

Headline	SPF Bidor perluas langkah pemulihan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 Apr 2021	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	107,609
Page No	26,27	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	1694 cm ²
Journalist	INTAN SUHANA CHE OMAR	AdValue	MYR 69,270
Frequency	Daily	PR Value	MYR 207,810



Oleh **INTAN SUHANA CHE OMAR**
intan.suhana@mediamula.com.my

MEMANFAATKAN alam semula jadi dapat memberi banyak kelebihan kepada manusia serta ekosistem.

Bukan sahaja dapat memberikan kestabilan biodiversiti, malah ia dapat membantu mewujudkan kawasan hijau yang semakin berkurangan di zaman millenium ini.

Seperti yang dilakukan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang sentiasa memperluas aktiviti penyelidikan berkaitan untuk tujuan penghijauan semula kawasan terbiar.

Jika dahulu Stesen Penyelidikan FRIM atau SPF Bidor hanya memfokus kepada model pemulihan kawasan bekas lombong, kini ia meluaskan peranan kepada pusat pemulihan pokok.

SPF Bidor yang turut dikenali sebagai *Tin Tailings Afforestation Centre* (TTAC) merupakan model kejayaan usaha penghijauan semula kawasan bekas lombong menggunakan teknik penanamart terpilih hasil penyelidikan FRIM.



DR. Khali Aziz Hamzah (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Dr. Shamsul Anuar Nasarah di SPF Bidor, Perak, baru-baru ini.

SPF Bidor perluas langkah pemulihan

DARI kiri Penyelaras SPF Bidor, Dr. Ang Lai Hoe, Dr Khali Aziz Hamzah dan Dr. Shamsul Anuar meninjau keadaan pokok di SPF Bidor.



Headline	SPF Bidor perluas langkah pemulihan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 Apr 2021	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	107,609
Page No	26,27	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	1694 cm ²
Journalist	INTAN SUHANA CHE OMAR	AdValue	MYR 69,270
Frequency	Daily	PR Value	MYR 207,810

Melalui kajian saintifik termasuk pemilihan spesies pokok, penambahbaikan tanah dan rawatan silvikultur, kawasan terosot ini telah ditransformasi menjadi hutan buatan manusia.

Ketua Pengarah FRIM, Dr. Khali Aziz Hamzah berkata, kejayaan itu merupakan hasil sokongan daripada pihak kerajaan, syarikat swasta serta agensi luar negara.

Antara yang terlibat adalah AEON dan *Asian-Korea Forest Cooperation Organization (AfoCO)* bagi menjalankan aktiviti pemuliharaan pokok-pokok spesies endemik, langka dan terancam.

Menurutnya, aktiviti pemuliharaan berkenaan melibatkan beberapa varieti tumbuhan antaranya adalah merbau, cengal, karas, spesies meranti dan spesies keruing.

“Secara keseluruhan, stesen ini mempunyai lebih kurang 40,000 batang pokok daripada lebih 90 spesies pokok. Keupayaan penyerapan karbon di stesen ini adalah dianggarkan melebihi 2,500 ton karbon,” katanya.

Beliau berkata, demikian ketika lawatan Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA), Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar Nasarah ke SPF berkenaan baru-baru ini. Difahami lawatan berkenaan bertujuan meninjau kejayaan usaha penghijauan semula yang dilaksanakan oleh FRIM di kawasan lombong terbiar berkenaan.

Turut hadir adalah Ketua Setiausaha KeTSA, Datuk Zurinah Pawanteh, Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan), Norsam Abdul Latip, Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan), Dr. Norwati Muhammad serta Pengarah Bioteknologi, Dr. Mohd. Zaki Abdullah.

Dalam lawatan itu juga, Dr. Shamsul juga menanam sebatang anak pokok giam lintah bukit atau *Hopea helferi* sebagai tanda sokongan kepada usaha murni pemuliharaan berkenaan.



SPF Bidor antara model pemulihan yang berjaya di bawah seliaan FRIM.

“Secara keseluruhan, stesen ini mempunyai lebih kurang 40,000 batang pokok daripada lebih 90 spesies pokok. Keupayaan penyerapan karbon di stesen ini adalah dianggarkan melebihi 2,500 ton karbon.”

DR. KHALI AZIZ HAMZAH

Habitat ekologi

SELAIN berperanan sebagai kawasan pemuliharaan *ex-situ* spesies terancam, SPF Bidor turut berfungsi sebagai habitat kepada lebih 90 spesies burung termasuk burung berhijrah, 20 genus kulat makro dan pelbagai spesies ikan serta mamalia kecil.

Oleh itu, usaha penghijauan dan pemuliharaan ini memberikan kesan ketara kepada ekosistem.

Daripada sebidang tanah terbiar telah ditransformasi menjadi sebuah ekosistem hutan buatan manusia yang mempunyai nilai ekologi tinggi.

la mewujudkan habitat

baharu kepada pelbagai biodiversiti selain turut berperanan sebagai penyerap karbon dioksida yang baik.

Untuk rekod, stesen penyelidikan berkenaan telah dipajakkan kepada FRIM sejak tahun 1996 dengan tempoh pegangan selama 99 tahun.

“Ia merupakan sebuah tanah bekas lombong bijih timah yang telah dihijaukan dengan pelbagai spesies pokok balak serta pokok hutan hujan tropika.

“Usaha penghijauan ini telah diiktiraf oleh Malaysia Book of Records sebagai *The Largest Man-made Forest Established Ex-tin Mine* pada tahun 2016,” jelas Dr. Khali.

SPF BIDOR

- Kawasan tanah bekas lombong merangkumi 121.4 hektar ini dipajakkan kepada FRIM oleh Kerajaan Negeri Perak pada tahun 1996.
- Ia adalah tapak kajian bagi projek penyelidikan kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan dengan penanaman semula hutan, biodiversiti, pengaruh hutan, fitoremediasi dan eko-toksikologi.
- Ia merupakan model hutan yang diiktiraf sebagai tapak pendidikan antarabangsa untuk pemulihan kawasan bekas lombong bijih timah.
- Ia telah dibangunkan dalam masa lima tahun selaras dengan *Bidor Research Station Strategic Plan 1997-2002*.



DR. ANG Lai Hoe (kanan) memberi taklimat mengenai aktiviti-aktiviti penghijauan semula.



DR. SHAMSUL ANUAR NASARAH (kanan) tertarik dengan salah satu spesies pokok.